

16 MAY 1999

MAHATHIR LANCAR HARI GURU

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di sini.

Majlis yang berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines dihadiri oleh 4,500 tokoh pendidik dan guru dari seluruh negara.

Dr Mahathir akan turut menyampaikan anugerah kepada tokoh-tokoh guru.

Tema Hari guru tahun ini ialah "Guru Berkesan Pendidikan Cemerlang".

Dalam kata-kata aluan buku cenderamata sambutan, Dr Mahathir meminta guru menumpukan perhatian kepada kemajuan kurikulum dan ko-kurikulum, latihan teknik, vokasional dan teknologi dan bidang-bidang lain berasaskan sains.

"Pembangunan insan harus diseimbangkan dengan kemahiran sains dan teknologi agar nilai murni masyarakat kita sentiasa terpelihara," katanya.

Dr Mahathir berkata guru harus mempunyai sahsiah dan akhlak yang boleh diteladani oleh pelajar dan masyarakat di samping menguasai pelbagai ilmu termasuk yang berkaitan dengan teknologi maklumat, bahasa dan kemahiran berkomunikasi.

-- BERNAMA

AFY MAI